

CABARAN GOLONGAN BELIA MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN  
KAJIAN KES: PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

MUHAMAD FADIR IBRAHIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

## ABSTRAK

Masalah pengangguran atau kesukaran mendapatkan pekerjaan merupakan masalah yang selalu diperkatakan oleh golongan pelajar di negara kita apabila mereka tamat belajar kelak. Pihak kerajaan telah merancang untuk membudayakan keusahawanan di masyarakat dengan tumpuan kepada pelajar dan belia sebagai usaha menangani masalah ini di peringkat awal. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Seramai 172 orang responden belia telah ditemui dan dibahagikan kepada dua golongan iaitu belia yang pernah menceburi bidang keusahawanan dan belia yang belum pernah menceburi bidang keusahawanan bagi mendapatkan data berkaitan. Data-data yang dikumpulkan, dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences for Windows Version 17* (SPSS) secara deskriptif dan ujian *Kruskal-Wallis*. Hasil daripada kajian ini mendapati kesemua faktor yang disenaraikan memberi cabaran kepada belia yang pernah menceburi bidang keusahawanan manakala bagi belia yang tidak pernah menceburi bidang keusahawanan elemen kemahiran keusahawanan dikenal pasti sebagai cabaran kepada mereka. Di penghujung kajian pengkaji turut mencadangkan beberapa tindakan yang boleh diambil sebagai usaha dalam menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan.

## ABSTRACT

Unemployment problems or difficulties in obtaining employment is a problem that often dealt with by the students in our country when they are graduating soon. The government had planned to cultivate entrepreneurship in society with a focus on students and youth in an effort to address this problem at an early stage. Therefore, this study aims to identify challenges youth to become entrepreneurs. A total of 172 youth respondents were found and divided into two groups of youths who have become entrepreneurs and youth entrepreneurship has never been to obtain relevant data. The data collected, analyzed using Statistical Package for Social Sciences for Windows Version 17 (SPSS) using descriptive analysis and the Kruskal-Wallis test. Results from this study revealed that all the listed factors pose a challenge to youth who have become entrepreneurs, while for youth who have never ventured into the field of entrepreneurship entrepreneurial element is identified as a challenge to them. At the end of the research also suggested that some action can be taken as an effort to attract the youth to become entrepreneurs.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>		<b>i</b>
<b>KANDUNGAN</b>		<b>ii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>		<b>iv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>		<b>v</b>
<b>Abstrak</b>		<b>vi</b>
<b>Abstract</b>		<b>vii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang masalah	2
	1.2 Penyataan masalah	4
	1.3 Tujuan kajian	4
	1.4 Objektif kajian	5
	1.5 Hipotesis kajian	5
	1.6 Persoalan kajian	6
	1.7 Skop kajian	6
	1.8 Kepentingan kajian	7
	1.9 Batasan kajian	7
	1.10 Definisi operasional	8
	1.10.1 Cabaran	8
	1.10.2 Belia	8
	1.10.3 Keusahawanan	9
	1.11 Rumusan	9
 <b>BAB II</b>	 <b>KAJIAN LITERATUR</b>	 <b>10</b>
	2.0 Pengenalan	10
	2.1 Belia	10
	2.2 Siapakah usahawan	11
	2.2.1 Ciri-ciri usahawan	12

2.3	Takrifan keusahawanan	13
2.3.1	Asas keusahawanan	14
2.4	Cabaran golongan belia menceburi bidang keusahawanan	15
2.4.1	Aspek diri belia	15
2.4.1.1	Latar belakang diri belia	15
2.4.1.2	Latar belakang keluarga	16
2.4.1.3	Latar belakang akademik	17
2.4.1.4	Sikap dan minat	18
2.4.1.5	Kemahiran keusahawanan	19
2.4.1.6	Pendidikan dan pengetahuan keusahawanan	19
2.4.2	Aspek kemudahan dan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan	20
2.4.2.1	Insentif melalui pendidikan	21
2.4.2.2	Insentif kewangan dan kemahiran	22
2.11	Rumusan	23
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>24</b>
3.0	Pengenalan	24
3.1	Reka bentuk kajian	25
3.2	Populasi dan sampel kajian	26
3.3	Prosedur kajian	26
3.4	Tempat kajian	27
3.5	Instrumen kajian	27
3.6	Borang soal selidik	29
3.7	Kerangka operasi	31
3.8	Ujian kebolehpercayaan	33
3.9	Pengumpulan data dan analisis data	33
3.10	Rumusan	35

<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DAPATAN KAJIAN</b>	<b>36</b>
4.0	Pengenalan	36
4.1	Demografi responden	37
4.1.1	Taburan responden berdasarkan jantina	37
4.1.2	Taburan responden berdasarkan peringkat umur	38
4.1.3	Taburan responden berdasarkan jantina dan peringkat umur	39
4.1.4	Taburan responden berdasarkan peringkat tahap pengajian	40
4.1.5	Taburan responden berdasarkan jantina dan tahap pengajian	41
4.1.6	Taburan responden berdasarkan status perkahwinan	42
4.1.7	Taburan responden berdasarkan pekerjaan	43
4.1.8	Taburan responden berdasarkan jantina dan pekerjaan	44
4.2	Dapatan kajian	45
4.2.1	Analisis kaji selidik	45
4.2.2	Persoalan kajian 1	46
4.2.3	Persoalan kajian 2	47
4.2.3.1	Jenis bantuan yang diperlukan	48
4.2.3.2	Jenis bantuan yang tersedia tetapi sukar diperolehi	49
4.2.3.3	Jenis bantuan yang tidak disediakan	50
4.2.4	Persoalan 3	52
4.2.4.1	Cabaran dari sudut belia yang telah menceburi bidang keusahawanan	52
4.2.4.1.1	Elemen latar belakang	

	keluarga	52
	4.2.4.1.2 Elemen latar belakang pendidikan dan pengetahuan	53
	4.2.4.1.3 Elemen sikap dan minat	54
	4.2.4.1.4 Elemen kemahiran keusahawanan	54
	4.2.4.1.5 Cabaran utama belia yang pernah menceburi bidang keusahawanan	55
	4.2.4.2 Cabaran dari sudut belia yang tidak pernah menceburi bidang keusahawanan	57
	4.2.4.2.1 Elemen latar belakang keluarga	57
	4.2.4.2.2 Elemen latar belakang pendidikan dan pengetahuan	58
	4.2.4.2.3 Elemen sikap dan minat	58
	4.2.4.2.4 Elemen kemahiran keusahawanan	59
4.3	Rumusan	61
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>63</b>
5.1	Pengenalan	63
5.2	Perbincangan kajian	64
5.2.1	Demografi responden	64
5.2.2	Pengaruh latar belakang keluarga dalam mempengaruhi belia untuk menceburi bidang keusahawanan	65
5.2.3	Jenis bantuan yang perlu diberikan	

	Penekanan dalam menarik minat	
	belia menceburi bidang keusahawanan	66
	5.2.3.1 Jenis bantuan yang diperlukan	66
	5.2.3.2 Jenis bantuan yang tersedia	
	tetapi sukar diperolehi	67
	5.2.3.3 Jenis bantuan yang tidak	
	disediakan	68
	5.2.4 Cabaran belia di parit raja menceburi	
	bidang keusahawanan	69
	5.2.4.1 Cabaran dari sudut belia	
	yang telah menceburi bidang	70
	5.2.4.2 Cabaran dari sudut belia	
	yang tidak pernah menceburi	71
5.3	Cadangan dan saranan	71
	5.3.1 Cadangan kepada belia	72
	5.3.2 Cadangan kepada pihak kerajaan dan	
	NGO berkaitan	73
5.4	Kesimpulan	73

**RUJUKAN****LAMPIRAN**



**SENARAI JADUAL**

3.0	Jadual penentuan sampel	28
3.1	Bahagian-bahagian dalam set soal selidik	30
3.2	Skala <i>likert</i>	30
3.3	Dapatan analisis kajian berdasarkan objektif kajian	34
4.1	Analisis taburan responden berdasarkan jantina	37
4.2	Analisis taburan responden berdasarkan peringkat umur	38
4.3	Analisis taburan responden berdasarkan jantina dan peringkat umur	39
4.4	Analisis taburan responden berdasarkan tahap pengajian	40
4.5	Analisis taburan responden berdasarkan jantina dan tahap pengajian	41
4.6	Analisis taburan responden berdasarkan status perkahwinan	42
4.7	Analisis taburan responden berdasarkan jantina dan status perkahwinan	43
4.8	Analisis taburan responden berdasarkan pekerjaan	44
4.9	Analisis taburan responden berdasarkan jantina dan pekerjaan	45
4.10	Analisis tahap kecenderungan skor min	46
4.11	Perbezaan antara latar belakang keluarga dan minat menceburi keusahawanan	47
4.12	Analisis bantuan yang diperlukan	49
4.13	Analisis bantuan yang tersedia tetapi sukar didapati	49

4.15	Analisis elemen latar belakang keluarga	53
4.16	: Analisis elemen latar belakang pendidikan dan pengetahuan	53
4.17	Analisis elemen sikap dan minat	54
4.18	Analisis elemen kemahiran keusahawanan	55
4.19	Analisis min bagi cabaran utama belia yang pernah menceburi bidang keusahawanan	56
4.20	Analisis kruskal wallis bagi cabaran utama belia yang pernah menceburi bidang keusahawanan	56
4.21	Analisis elemen latar belakang keluarga	57
4.22	Analisis elemen latar belakang pendidikan dan pengetahuan	58
4.23	Analisis elemen sikap dan minat	59
4.24	Analisis kemahiran keusahawanan	59
4.25	Analisis min bagi cabaran belia yang tidak pernah menceburi bidang keusahawanan	60
4.26	Analisis kruskal wallis bagi cabaran belia yang tidak pernah menceburi bidang keusahawanan	61

## SENARAI RAJAH

3.0	Kerangka Operasi	32
4.1	Peratus Responden Berdasarkan Jantina	38
4.2	Peratus Responden Berdasarkan Peringkat Umur	39
4.3	Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pengajian	41
4.4	Peratus Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	42
4.5	Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan	44

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Masalah pengangguran atau kesukaran mendapatkan pekerjaan merupakan masalah yang selalu diperkatakan oleh golongan pelajar di negara kita apabila mereka tamat belajar kelak. Hasil satu kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2009 mendapati seramai 68,080 graduan lepasan IPTA/IPTS tidak mempunyai pekerjaan. Angka ini dilihat agak tinggi dan perlu dipandang serius oleh pihak-pihak yang berkenaan terutamanya pihak kerajaan dan pelajar itu sendiri. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK9) yang lalu telah merancang untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan 1.5 juta masyarakat dengan tumpuan kepada pelajar, belia, wanita dan membangunkan usahawan khusus kepada golongan siswazah supaya berdaya saing dan berdaya tahan.

Pelbagai inisiatif lain juga telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang keusahawanan dan salah satu program terbabit ialah Program Belia Niaga khusus untuk belia yang ingin memulakan dan mengembangkan perniagaan. Belia yang berhasrat untuk memulakan perniagaan akan diberi bantuan insentif tidak melebihi RM 3,000 seorang dan umur kelayakan adalah 18 tahun hingga 40 tahun (Utusan Malaysia, 8 Februari 2009).

Namun usaha ke arah pembentukan generasi yang membudayakan semangat keusahawanan ini adalah sesuatu yang agak sukar dan masih kurang menunjukkan hasil seperti yang diharapkan. Minat dalam kalangan masyarakat terhadap bidang ini tidak dilahirkan semula jadi tetapi memerlukan dorongan dan sokongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya dalam bidang keusahawanan ini.

### **1.1 Latar belakang masalah**

Penglibatan masyarakat untuk bekerja dalam bidang keusahawanan dilihat dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan yang seterusnya akan mampu membantu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam menggalakkan masyarakat di negara ini untuk menceburi bidang keusahawanan ini. Contohnya, matlamat penubuhan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat kepada bumiputera untuk memulakan dan memajukan lagi perniagaan. Terdapat juga skim-skim tertentu yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu wanita meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran buruh. Contohnya, Skim Bantuan Khas bagi usahawan wanita yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), iaitu skim yang memberi akses pembiayaan yang lebih luas kepada usahawan-usahawan wanita. Selain itu, pihak kerajaan juga menganjurkan pelbagai program pembangunan dan latihan keusahawanan dalam membantu menyediakan latihan dan khidmat nasihat kepada usahawan di Malaysia, Siaran Khas (keusahawanan di Malaysia) Jabatan Perangkaan Malaysia (2009).

Namun demikian, menurut hasil kajian Jabatan Perangkaan Malaysia lagi, peratusan usahawan di Malaysia agak kecil iaitu tidak melebihi 26 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Peratusan tersebut juga didapati menunjukkan trend yang menurun daripada 25.1 peratus pada 1982 kepada 20.9 peratus

pada 2008. Penyertaan penduduk bekerja yang rendah sebagai usahawan secara tidak langsung menggambarkan penduduk di Malaysia kurang berminat untuk menyertai bidang keusahawanan dan lebih cenderung untuk bekerja di sektor kerajaan atau swasta.

Ketidakseimbangan jantina juga dilihat agak ketara dengan kaum lelaki lebih memonopoli bidang keusahawanan ini. Data yang diperolehi oleh Jabatan Perangkaan juga menunjukkan kadar penyertaan buruh (KPTB) dalam bidang ini jelas menunjukkan kaum lelaki mendominasi dengan peratusan sebanyak 79.0 peratus hinggan 85.8 peratus dalam tempoh 25 tahun. Sebaliknya bilangan usahawan wanita dilihat berada pada tahap yang rendah berbanding usahawan lelaki dengan mencatatkan bilangan kurang daripada 500,000 orang dalam tempoh yang sama.

Terdapat juga analisis kecenderungan menceburi bidang keusahawanan mengikut peringkat umur yang dijalankan bagi mengetahui pada peringkat umur yang mana seseorang itu lebih berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil kajian mendapati peringkat umur yang paling banyak menceburi bidang keusahawanan adalah pada peringkat 35-64 tahun. Menurut takrif Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Ini menunjukkan usahawan yang terdapat di negara kita adalah mereka yang berada dalam kategori ‘lewat belia’ di mana hanya tinggal lima tahun sebelum mereka beralih kepada golongan tua. Hal ini dilihat agak mengecewakan kerana terdapat banyak program dan latihan yang disediakan bermula dari awal remaja lagi.

Oleh itu, pelbagai langkah yang lebih efektif perlu dikaji dan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menarik lebih ramai penduduk bekerja di Malaysia menceburi bidang keusahawanan sejajar dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

## **1.2 Pernyataan masalah**

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2009 mendapati bilangan usahawan di Malaysia telah bertambah sejajar dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja bagi tempoh tahun 1982 hingga tahun 2008 di mana pada tahun 1982 hingga 2003 sebanyak 1.2 hingga 1.9 orang usahawan direkodkan dan seterusnya meningkat kepada 2.0 hingga 2.2 orang usahawan mulai tahun 2004 hingga 2008. Namun demikian, peningkatan bilangan usahawan ini agak kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan jumlah penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Peratusan ini juga menunjukkan trend penurunan bilangan usahawan daripada 25.1 peratus pada 1982 kepada 20.9 peratus pada tahun 2008. Permasalahan ini menimbulkan minat penyelidik untuk mencari cabaran yang dihadapi golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ekoran daripada pelbagai kemudahan dan inisiatif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya kemudahan di peringkat pusat pengajian tinggi yang secara tidak langsung membabitkan golongan belia.

## **1.3 Tujuan kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji apakah cabaran yang dihadapi oleh golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan walaupun pelbagai usaha dan kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan.

## 1.4 Objektif kajian

Objektif Kajian ini ialah :-

- (i) Mengenal pasti sama ada belia yang mempunyai latar belakang dalam bidang keusahawanan akan mempengaruhi minat mereka dalam menceburi bidang tersebut.
- (ii) Mengenal pasti apakah jenis bantuan yang perlu diberikan penekanan dalam menarik minat mereka menceburi bidang keusahawanan.
- (iii) Mengenal pasti cabaran-cabaran belia di Parit Raja untuk menceburi bidang keusahawanan.

## 1.5 Hipotesis kajian

Terdapat hipotesis atau jangkaan yang dirangka di awal kajian bagi memenuhi objektif kajian.

### Hipotesis 1

- i) Hipotesis Null, ( $H^0$ )  
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara latar belakang keluarga dalam bidang keusahawanan dengan minat seseorang belia menceburi bidang keusahawanan.
- ii) Hipotesis Alternatif, ( $H^1$ )  
Terdapat perbezaan yang signifikan diantara latar belakang keluarga dalam bidang keusahawanan dengan minat seseorang belia menceburi bidang keusahawanan.



## **Hipotesis 2**

- i) Hipotesis Null, ( $H^0$ )  
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara jenis cabaran utama belia di Parit Raja dengan minat golongan belia menceburi bidang keusahawanan
- ii) Hipotesis Alternatif, ( $H^1$ )  
Terdapat perbezaan yang signifikan diantara jenis cabaran utama belia di Parit Raja dengan minat golongan belia menceburi bidang keusahawanan.

## **1.6 Persoalan kajian**

Persoalan kajian ini ialah :-

- (iv) Apakah belia yang mempunyai latar belakang dalam bidang keusahawanan akan mempengaruhi minat mereka dalam menceburi bidang tersebut.
- (i) Apakah jenis bantuan yang perlu diberikan penekanan dalam menarik minat mereka menceburi bidang keusahawanan.
- (ii) Apakah cabaran utama belia di Parit Raja untuk menceburi bidang keusahawanan.

## **1.7 Skop kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada golongan belia yang berasal dan tinggal di Parit Raja sahaja. Kajian ini akan difokuskan kepada faktor-faktor yang memberi cabaran kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada kajian latar belakang responden, sikap dan minat terhadap bidang keusahawanan serta kemahiran yang diperlukan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam membantu menceburi bidang keusahawanan.

## **1.8 Kepentingan kajian**

Kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada para belia dan pihak yang terbabit tentang usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan badan-badan tentu dalam menarik minat golongan belia menceburinya di mana para belia harus mengambil inisiatif dan merebut peluang yang ada secara bijak, kreatif dan inovatif. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini kelak diharap dapat membantu mengenal pasti permasalahan sebenar di sebalik kegagalan melahirkan usahawan di kalangan belia dan seterusnya membantu usaha kerajaan mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

## **1.9 Batasan kajian**

Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa batasan kajian yang berkemungkinan dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah kekangan dari segi masa, kos dan juga kaedah yang diguna pakai. Hal ini akan memberi kesan kepada penyelidikan yang dilakukan. Batasan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.
- (ii) Dari segi kos, kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh penyelidik. Maka ianya akan menjadi bebanan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

## **1.10 Definisi operasional**

Definisi operasional adalah merupakan pengertian atau makna bagi sesuatu perkataan atau ayat tertentu. Dalam kajian ini yang melibatkan ‘Cabaran Golongan Belia Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan’.

### **1.10.1 Cabaran**

Idris N.A (2003) mendefinisikan cabaran sebagai sesuatu yang menguji kekuatan, kemahiran dan kemampuan seseorang dalam sesuatu aktiviti. Definisi ini turut disokong dalam Kamus Dewan Edisi Empat yang menyatakan cabaran sebagai unsur atau faktor yang menguji kemampuan dan ketabahan seseorang, organisasi dan sebagainya.

Cabaran dalam konteks kajian ini ialah bagaimana ketabahan dan kemampuan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan pada peringkat awal penglibatan bagi menjadikannya sebagai pekerjaan utama.

### **1.10.2 Belia**

Menurut takrif Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula menerangkan belia sebagai golongan muda remaja dan pemuda. Belia dijelaskan lagi sebagai anak-anak muda lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur yang telah melepasi umur kanak-kanak dan mula memasuki umur dewasa, umur yang cukup untuk mendirikan rumah tangga, kerana telah baligh. Walau bagaimanapun kajian ini akan mengambil had umur antara

18-40 tahun sebagai golongan belia sasaran yang akan dijadikan sebagai responden mengikut kebiasaan masyarakat setempat yang bermula bekerja pada umur 18 tahun.

### **1.10.3 Keusahawanan**

Keusahawanan adalah merupakan proses mengenal pasti dan mengeksploitasi sesuatu peluang supaya ia memberi nilai dalam usaha untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dengan mengandaikan segala risiko yang dihadapi dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin (Idris S.M, 2009).

Dalam kajian ini, bidang keusahawanan didefinisikan sebagai suatu bidang kerjaya di mana individu yang bergelar usahawan dan mengendalikan urusan berkaitan keusahawanan untuk memperolehi keuntungan dan kejayaan di dunia keusahawanan.

### **1.11 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dan menjelaskan mengenai perkara-perkara asas yang menjadi garis panduan kepada hala tuju kajian ini. Ianya meliputi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional yang ditekankan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bahagian objektif kajian, penyelidik telah menetapkan apa yang hendak dicapai pada akhir kajian ini. Persoalan-persoalan kajian turut ditentukan berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kajian ini turut meletakkan skop kajian agar ia tidak tersasar daripada fokus kajian sebenar. Bab II seterusnya akan lebih menekankan kepada penerangan dengan lebih lanjut berkaitan kajian literatur untuk menyokong kajian ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat sorotan kajian penulisan yang mempunyai hubungan terhadap cabaran para belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian-kajian yang dilakukan berasaskan kepada diri seseorang belia itu sendiri dari aspek latar belakang diri belia, sikap serta minat dalam bidang keusahawanan, kemahiran yang dimiliki dan dari aspek kemudahan atau insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan bertepatan dengan kehendak belia untuk menceburi bidang keusahawanan serta adakah segala bantuan dan kemudahan ini sampai atau diterima oleh golongan sasaran. Perihal yang dibincangkan bagi membantu kajian ini dan seterusnya menjadi panduan untuk membina kerangka kajian.

#### **2.1 Belia**

Menurut Kamus Dewan (2001) belia ditakrifkan sebagai muda belia, sangat muda yang terdiri daripada golongan pemuda dan pemudi. Belia menurut takrifan ini mencakupi

usia 15 tahun hingga 40 tahun iaitu merangkumi fasa remaja, fasa transisi (pra matang) dan fasa dewasa (peringkat matang).

Kementerian Belia dan Sukan (1995) pula merujuk kepada golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun berlandaskan beberapa alasan yang selari dengan pentakrifan yang dibuat oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) iaitu belia dianggap telah matang dan mampu berfikir secara positif berkaitan program belia; dan sebahagian besar rakyat negara ini terdiri daripada golongan belia. Zainal Abiddin (2007), memperincikan maksud belia melalui kajian yang dibuat oleh Ismail (2004) dari sudut perspektif Islam di mana belia dikaitkan dengan usia baligh. Dalam Al-Qur'an belia disebut *fata* manakala dalam hadith maksud yang serupa merujuk kepada istilah *syabab*.

Keseragaman takrifan belia ini memberikan satu garis panduan bagi penyelidik untuk menetapkan had umur bagi golongan belia yang hendak dikaji atau yang dijadikan sebagai responden ini adalah yang berumur di antara 15 – 40 tahun seperti mana yang terdapat di dalam dasar pembangunan belia negara serta akta pertubuhan belia dan pembangunan belia 2006.

## **2.2 Siapakah usahawan?**

Usahawan adalah merujuk kepada individu yang melibatkan diri dalam apa jua jenis/bidang perniagaan dan menggunakan kreativiti mereka dalam mengurus serta menjayakan perniagaan tersebut selain haruslah memiliki beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat mendorong mereka untuk menerokai bidang keusahawanan seperti mempunyai daya usaha untuk menceburi dunia perniagaan dan sanggup mengambil risiko. Aspek keusahawanan melibatkan tugas-tugas seorang usahawan iaitu menanggung risiko dan membuat pelaburan terhadap sumber-sumber untuk mengeluarkan sesuatu yang baru atau pun membentuk pasaran dan cara baru terhadap sesuatu yang telah ada (Thuaibah @ Suaibah et al., 2007)

Osman (2007) pula mempunyai pandangan bahawa setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan namun aspek yang membezakan di antara usahawan

dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja bagi membentuk, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi.

Menurut Idris (2009) pula, usahawan boleh ditakrifkan sebagai individu yang cuba menonjolkan peluang baru atau merebut peluang yang sedia ada, cuba memanipulasikan peluang tersebut secara positif dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dan kepuasan diri sendiri dan sanggup menghadapi risiko-risiko tidak kira sama ada yang dapat dilihat pada masa tersebut atau pada masa-masa hadapan.

Daripada keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa usahawan adalah mereka yang bijak, kreatif serta berinovasi dalam memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi selain berani mengambil risiko.

Dalam kajian ini, responden yang diambil bukanlah daripada kalangan yang bergelar usahawan tetapi golongan belia yang bekerja mahupun yang tidak bekerja dan menetap di kawasan Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Golongan belia ini berkemungkinan mempunyai niat atau hasrat untuk menceburi bidang keusahawanan dan juga mungkin tidak berminat kerana faktor-faktor tertentu. Faktor inilah yang mahu dikenal pasti oleh penyelidik bagi mengenal pasti cabaran utama yang menjadi penghalang golongan belia di Parit Raja, Batu Pahat, Johor untuk menceburi bidang keusahawanan.

### **2.2.1 Ciri-ciri usahawan**

Yusof (2003) dalam bukunya yang berjudul “Prinsip keusahawanan” menjelaskan terdapat empat ciri asas keusahawanan antaranya ialah seperti mengenal pasti peranan, berkemampuan, bermotivasi, dan kesediaan melakukan perubahan.

Sementara Barjoyai Bardai (2000) pula menetapkan sembilan ciri seorang usahawan yang berjaya, iaitu usahawan perlu menitikberatkan dan mementingkan kejayaan daripada keseronokan, mempelajari sesuatu yang baru setiap hari, mengelak atau membebaskan diri daripada kerja-kerja yang mudah, memberi tumpuan kepada keuntungan dan pasaran, sentiasa mempamerkan dan membuat promosi untuk barang-

barang keluarannya, membuat keputusan dengan secepat mungkin, sentiasa mencari kemahiran dan teknik baru, cuba mendapatkan kerjasama daripada kakitangan dan rakan-rakannya dan sentiasa mementingkan hati orang lain terutama pelanggannya

Menurut Osman (2007) pula, pada asasnya ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh usahawan adalah sama tidak mengira bidang yang diceburi. Ciri-ciri yang telah dinyatakan merupakan ciri-ciri terpenting yang perlu dimiliki dalam diri seseorang yang bergelar usahawan. Kebanyakan pengkaji bersependapat dalam menggariskan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang usahawan.

### **2.3 Takrifan keusahawanan**

Perkataan keusahawanan muncul daripada perkataan usahawan yang bermaksud pengusaha. Usahawan ini juga boleh didefinisikan sebagai mereka yang bekerja sendiri. Mereka mempunyai perniagaan sendiri sama ada secara kecil-kecilan atau sederhana atau perniagaan berskala besar (Thuaiabah @ Suaibah et al., 2007)

Idris (2009) pula menyatakan keusahawanan adalah merupakan proses mengenal pasti dan mengeksploitasi sesuatu peluang supaya ia memberi nilai dalam usaha untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dengan mengandaikan segala risiko yang dihadapi dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Pandangan daripada Yusof (2003) pula menyatakan keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini disokong penjelasan yang diberikan oleh Osman (2007), di mana keusahawanan yang sesuai dengan konteks Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan usaha-usaha pembentukan dan pembangunan yang sejajar dengan perubahan teknologi, ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kombinasi baru dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengannya.

Penjelasan di atas membolehkan kita mendefinisikan keusahawanan sebagai satu bidang kerjaya yang amat digalakkan oleh pihak kerajaan di mana usahawan



mengendalikan urusan perniagaan untuk keuntungan sebagai sumber pendapatan diri dan keluarga dan seterusnya memperoleh kejayaan dalam dunia keusahawanan.

### **2.3.1 Asas keusahawanan.**

Menurut Yusof (2003), mempelajari keusahawanan tidak akan lengkap tanpa memahami perkara-perkara asas yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu yang akan menyertai bidang ini. Di antaranya ialah ;

- i) keusahawanan sebagai satu proses  
Seseorang tidak dilahirkan sebagai usahawan dan sifat usahawan juga tidak boleh diwarisi, sebaliknya seseorang itu akan menjadi usahawan apabila melalui pelbagai proses pembangunan usahawan.
- ii) Penekanan kepada kreativiti dalam mengolah sumber syarikat.  
Setiap usahawan mempunyai kekuatan kreativiti yang tersendiri yang dibangunkan melalui imaginasi, pengalaman dan pendedahan kepada persekitaran.
- iii) Mahu meningkatkan kesejahteraan  
Usahawan perlu sedar bahawa tindak-tanduk mereka akan menentukan kesejahteraan atau kemusnahan dunia ini. Oleh itu, mereka hendaklah memberi keyakinan bahawa kegiatan mereka mampu meningkatkan kesejahteraan kepada pelbagai pihak untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Asas keusahawanan yang dinyatakan di atas memberi gambaran jelas kepada kita mengenai perkara asas yang ada dalam diri usahawan dan seterusnya membantu kita mengenali keusahawanan dalam konteks yang sebenar.

## **2.4 Cabaran golongan belia menceburi bidang keusahawanan**

Kajian faktor cabaran golongan belia menceburi bidang keusahawanan ini akan melibatkan dua faktor utama iaitu faktor yang berasaskan kepada diri seseorang belia itu sendiri dari aspek latar belakang diri belia, sikap serta minat dalam bidang keusahawanan dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki. Manakala faktor yang kedua dari aspek bantuan atau insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan atau badan-badan tertentu bertepatan dengan kehendak belia untuk menarik minat mereka menceburi bidang keusahawanan.

### **2.4.1 Aspek diri belia**

Aspek diri belia merupakan elemen-elemen berkaitan keusahawanan yang ada dalam diri seseorang belia. Elemen-elemen ini di huraikan berdasarkan kajian-kajian pengkaji terdahulu dan juga sumber-sumber berkaitan seperti mana yang dinyatakan bagi menjelaskan lagi pemahaman mengenai perkaitan diri belia dengan keusahawanan.

#### **2.4.1.1 Latar belakang diri belia**

Osman (2007) menghuraikan tafsiran latar belakang berdasarkan Kamus Dewan Bahasa edisi Ketiga menjelaskan sebagai latar belakang didefinisikan sebagai pengalaman (pendidikan, alam sekitar dan lain-lain) seseorang, biasanya yang ada hubungannya atau pengaruhnya ke atas keadaan dirinya pada sesuatu masa. Oleh itu, definisi latar belakang dalam kajian ini adalah latar belakang keluarga dan latar belakang akademik terhadap pembinaan nilai pada diri seseorang.

#### 2.4.1.2 Latar belakang keluarga

Osman (2007) menjelaskan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan satu faktor sosiologi yang kritikal dalam mempengaruhi usahawan terutama dalam pembuatan keputusan untuk memulakan sesuatu perniagaan baru. Pembuatan keputusan untuk memulakan perniagaan adalah lebih mudah apabila seseorang itu bujang, berumur 25 tahun, tidak memiliki aset perseorangan dan tidak bergantung terhadap orang lain. Pernyataan ini jelas menunjukkan peringkat umur 25 tahun tergolong dalam kategori belia dan pada peringkat ini amat sesuai untuk seseorang belia menceburi bidang keusahawanan.

Keluarga dilihat sebagai faktor yang penting untuk mempengaruhi penyambungan perniagaan di mana perniagaan keluarga diserahkan kepada generasi muda dalam sesebuah keluarga. Biasanya, waris keturunan akan dibimbing oleh keluarga atau ahli dari generasi tua. Dengan keadaan sebegini, kebarangkalian adalah tinggi bagi ahli keluarga yang lain untuk mewujudkan gabungan perniagaan, pembukaan cawangan tambahan untuk ibu pejabat dan lain-lain lagi. Menurut Osman (2007) lagi, kebiasaannya, individu yang berasal daripada keluarga yang mempunyai perniagaan akan lebih mempengaruhinya untuk menjadi seorang usahawan.

Zainal Abidin (2009) dalam kajiannya mengenai konsep kesediaan keusahawanan menjelaskan mereka dipengaruhi oleh latar belakang keluarga untuk terlibat dalam perniagaan. Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan yang didapati daripada pengalaman kerja dan juga pengalaman sendiri semasa kecil.

Melalui beberapa huraian terbabit menunjukkan faktor keluarga dilihat memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan latar belakang yang menjurus kepada minat dalam menceburi bidang keusahawanan. Belia yang mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan dilihat berpotensi tinggi untuk turut sama menceburi bidang keusahawanan sama ada bermula dari awal pembukaan perniagaan ataupun menyambung perusahaan keluarga. Majoriti latar belakang keluarga di kawasan kajian secara umumnya dilihat lebih cenderung ke arah

bidang pertanian. Ini kerana kawasan kajian merupakan sebuah kawasan yang dipelopori dengan pertanian kelapa sawit. Maklumat ini dilihat amat menarik untuk di hurai dan jangkaan penemuan baru seperti terdapatnya golongan belia menjadikan bidang pertanian sebagai perniagaan mungkin ditemui.

#### **2.4.1.3 Latar belakang akademik**

Menurut Osman (2007) usahawan lepasan kolej yang mempunyai ijazah merupakan golongan yang tertinggi berjaya sebagai seorang usahawan. Menurut beliau lagi, semakin tinggi tahap pendidikan seseorang usahawan, maka motivasi mereka untuk menjadi usahawan adalah semakin rendah. Ini kerana kebiasaannya, mereka yang mengambil sarjana kedoktoran lebih tertumpu secara mendalam terhadap bidang penyelidikan dan pendidikan.

Idris (2009) dalam kajiannya mengambil contoh satu bancian ke atas pelajar MBA di sebuah kolej yang terkenal di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa ramai pelajar yang mengambil kursus pengurusan mempunyai kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi. Mereka juga lebih menyerlah berbanding dengan pelajar dari major ekonomi.

Latar belakang akademik jelas menjadi salah satu faktor penting dalam mempengaruhi golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, tahap pendidikan belia di kawasan kajian akan turut dikenal pasti bagi mengetahui pengaruh latar belakang akademik ini untuk menarik golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Secara kasarnya, kawasan kajian yang mempunyai sebuah Institut Pengajian Tinggi dilihat mempunyai pengaruh dalam meningkatkan tahap pendidikan penduduk di kawasan kajian terutamanya golongan belia.

#### 2.4.1.4 Sikap dan minat

Sikap yang positif memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang itu untuk menjadi usahawan dan kebanyakan sikap-sikap positif ini lahir daripada individu itu sendiri (Osman 2007). Selain itu, beliau juga menjelaskan beliau perlu mempunyai sikap dan keinginan untuk merealisasikan idea sendiri, tidak mahu menjadi pekerja, mendapatkan wang dan tidak bergantung pada orang lain.

Apabila ditanya tentang cabaran yang mungkin dihadapi oleh golongan siswazah untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan, seorang peserta menceritakan pengalaman mengambil graduan sebagai rakan kongsi. Beliau mendapati bahawa graduan tersebut mempunyai mentaliti untuk bekerja makan gaji (Zainal Abidin 2009).

Thuaiyah @ Suaibah et al., (2007) menjelaskan keinginan untuk berdikari merupakan antara sikap yang boleh menjadi faktor yang mendorong seseorang menceburi diri dalam keusahawanan. Berdikari bermaksud berdiri di atas kaki sendiri. Ini bermakna seseorang itu bebas membuat keputusan dan berusaha sendiri ke arah menentukan masa depan kehidupannya. Dia tidak berasa terkongkong dengan arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh orang lain.

Sikap dan minat jelas menunjukkan peranan yang penting dalam menjadi pendorong bagi seseorang yang bergelar beliau menceburi bidang keusahawanan. Sikap dan minat golongan beliau di Parit Raja akan diselidik bagi mengetahui pengaruhnya dalam menarik minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Berdasarkan persekitaran di kawasan Parit Raja yang sedang berkembang pesat dengan terdapatnya institusi pendidikan tinggi dan juga kawasan perindustrian, ia sememangnya dilihat menjanjikan peluang perniagaan yang menarik untuk diceburi dan menjanjikan pulangan yang lumayan.

#### **2.4.1.5 Kemahiran keusahawanan**

Kemahiran didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian seseorang dalam bidang tertentu (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1996). Definisi kemahiran dalam kajian ni merujuk kepada kemahiran serta pengetahuan dalam bidang perniagaan yang dimiliki oleh belia yang menjadi responden kajian ini.

Menurut Osman (2007), Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa memiliki kemahiran yang berkaitan dengan bidang keusahawanan merupakan di antara faktor yang telah mempengaruhi seseorang untuk menjadi usahawan. Oleh itu, kemahiran yang berkaitan keusahawanan dilihat sesuatu yang amat penting untuk dikenal pasti dengan lebih mendalam.

Husaini & Anuar (2008), dalam kajiannya mengenai kemahiran keusahawanan pula menjelaskan kemahiran keusahawanan mempunyai empat tahap iaitu kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan, kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan terakhir sekali kebolehan untuk bekerja sendiri.

Kemahiran dalam bidang keusahawanan dilihat sebagai satu item yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, kemahiran yang terdapat dalam diri seseorang belia akan dikaji bagi memastikan pengaruhnya dalam menarik minat golongan belia menceburi bidang keusahawanan dan adakah sekiranya belia tidak mempunyai kemahiran ini akan menjadi satu faktor untuk mereka tidak menceburi bidang keusahawanan.

#### **2.4.1.6 Pendidikan dan pengetahuan keusahawanan**

Negara bukan sahaja perlu mewujudkan masyarakat Malaysia yang menjadi pengguna teknologi, tetapi juga sebagai penyumbang kepada perkembangan pengetahuan saintifik dan teknologi pada masa depan. Saranan ini membuktikan kepentingan dan mewujudkan

masyarakat berbudaya keusahawanan yang mampu mengatasi cabaran-cabaran yang mendatang dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 nanti (Osman 2007).

Dalam kajian ini, pengkaji mentafsirkan pendidikan dan pengetahuan sebagai satu ilmu dalam bidang keusahawanan bagi membolehkan seorang usahawan itu mampu menguruskan sesebuah organisasinya dengan baik. Pendidikan dan pengetahuan ini meliputi pengurusan organisasi, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan dan sebagainya seperti mana yang dijelaskan oleh (Barjoyai Bardai, 2000) dalam bukunya yang berjudul *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kepentingan pendidikan dan pengetahuan dalam dunia usahawan ini turut disokong oleh (wan Omar dan Mohamed, 2006) dalam bukunya yang bertajuk *Memperkasakan Usahawan*.

#### **2.4.2 Aspek kemudahan dan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan**

Pihak Kerajaan telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada semua golongan masyarakat terutamanya golongan belia bagi menggalakkan golongan ini menceburi bidang keusahawanan. Pelbagai agensi telah ditubuhkan bagi memainkan peranan yang aktif dan bersungguh-sungguh bagi membantu menghulurkan segala bantuan dan kemudahan yang diperlukan termasuklah bantuan kewangan, kemahiran dan khidmat nasihat yang berkaitan sekiranya mereka berminat untuk menceburi bidang ini.

Agensi yang terlibat dalam member latihan kepada para usahawan termasuk MARDI, MARA, NPC, SIRIM, MIDA, MIDF, dan lain-lain. Selain itu program pembangunan vendor dan pembangunan francais juga turut di bangunkan. Tumpuan diberikan kepada golongan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera serta member peluang kepada mereka meluaskan perniagaan. Bagi meningkatkan lagi kemajuan keusahawanan di kalangan bumiputera, Perbadanan Kemajuan IKS (SMIDEC) telah ditubuhkan yang bertujuan khusus untuk membangunkan aktiviti perniagaan IKS di bawah Pelan Perusahaan Baru (Nordin 2009).

Walaupun terdapat banyak kemudahan dan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan, penyelidikan hanya akan mengelaskan kepada dua bahagian sahaja iaitu insentif peringkat pendidikan tinggi dan juga insentif kewangan dan kemahiran. Pihak kerajaan dilihat menganjurkan pelbagai program berkaitan keusahawanan melalui bidang pendidikan, ini mungkin sebagai langkah awal pengenalan kepada pelajar sejak di bangku sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Selain itu, bantuan lain pihak kerajaan adalah dilihat dalam bentuk program latihan kemahiran berkaitan keusahawanan dan juga insentif dana kewangan bagi membantu mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan.

#### **2.4.2.1 Insentif melalui pendidikan**

Kementerian Pembangunan Keusahawanan telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Skim Usahawan Siswazah (SUS) pada tahun 1998. Skim ini bertujuan memberikan pendedahan kepada siswazah supaya mereka boleh memulakan perniagaan sendiri pada masa hadapan. Melalui skim ini, peserta yang memerlukan pengalaman perniagaan diberikan latihan keusahawanan dan sangkut kerja di beberapa buah syarikat swasta yang dipilih. Skim ini juga menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan melalui Tabung Usahawan Siswazah yang memberikan pinjaman antara RM20 000 sehingga RM100 000 (Osman 2007).

Bermula dari ambilan Julai 2007 dan seterusnya, Kementerian Pengajian Tinggi telah mewajibkan semua pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengambil mata pelajaran keusahawanan sebagai satu mata pelajaran wajib (Utusan Malaysia : 2 Julai 2007). Ini adalah salah satu contoh inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi sebagai satu perkenalan kepada para pelajar di samping menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri pelajar.

Selain itu terdapat juga insentif lain yang disalurkan khas untuk golongan mahasiswa di pusat pengajian tinggi. Sebagai contoh, Program inkubator usahawan siswazah adalah merupakan satu usaha sama di antara Bank Pembangunan dan



Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank) dan 17 buah universiti tempatan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Menerusi program ini, siswazah yang berminat akan menerima bimbingan dan juga akan diberi khidmat nasihat mengenai jenis perniagaan yang berpotensi untuk mereka ceburi (Utusan Malaysia, 26 April 2005).

#### 2.4.2.2 Insentif kewangan dan kemahiran

Tabung Usahawan Siswazah menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk membolehkan siswazah mendapatkan pinjaman bagi memulakan sesuatu perniagaan (Utusan Malaysia, 18 Mei 2008). Ini adalah salah satu contoh insentif kewangan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam membantu golongan mahasiswa dan semestinya melibatkan golongan belia dalam menceburi bidang keusahawanan.

Bekas Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaleed Nordin pula dalam satu temu bual berkata, MARA Inc yang merupakan anak syarikat MARA telah menyediakan modal awal sebanyak RM100 juta untuk membangunkan usahawan bumiputera agar berdaya saing dan maju untuk mencapai potensi antarabangsa (Utusan Malaysia : 22 Januari 2008). Insentif ini merupakan peruntukan yang disediakan oleh pihak MARA sebagai membantu golongan bumiputera memulakan langkah pertama dalam menceburi bidang keusahawanan.

Terdapat juga agensi yang ditubuhkan bagi melatih dan meningkatkan kemahiran dalam keusahawanan seperti KEMAS dan MARA. Agensi ini begitu aktif dalam menyediakan peluang untuk mereka yang berminat meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan.

Walaupun kerajaan telah mencurahkan pelbagai bantuan dan sokongan bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), namun usaha ini belum membuahkan hasil yang diharapkan. Persoalan mengapa keadaan ini berlaku perlu dijawab. Kemungkinan wujud kepincangan dalam pelaksanaan atau

sokongan dan bantuan tidak menepati golongan sasaran telah menjadi laungan politik bagi sesetengah golongan (Zainal Abidin, 2009).

Jika dilihat pada kenyataan tersebut jelas menunjukkan pelbagai kemudahan dan insentif telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun isu yang mula timbul sekarang adakah peluang ini direbut sepenuhnya oleh golongan belia ataupun bantuan yang disalurkan ini tidak sampai kepada golongan sasar.

## **2.5 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan belia, usahawan dan keusahawanan serta insentif dan kemudahan dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Perbincangan ini penting bagi menambah kefahaman penyelidik mengenai tajuk kajian dan maklumat yang berkaitan dalam menjawab persoalan kajian mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi ini dapat menyokong dan membuktikan bahawa kajian yang sedang dijalankan ini sememangnya amat penting dan sesuai untuk dikaji. Selanjutnya, bab tiga akan membincangkan metodologi dan kaedah yang digunakan untuk kajian ini.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, penyelidik akan memfokuskan kepada metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Metodologi ini dapat menentukan keberkesanan sesuatu kajian dan mempengaruhi hasil dapatan yang diperolehi di mana ianya merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, sampel kajian, lokasi kajian, prosedur dan analisis data. Metodologi yang digunakan dalam mengkaji ‘faktor-faktor yang memberi cabaran kepada para belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan’ ini ialah kaedah soal selidik. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat berkenaan fakta – fakta, kepercayaan , perasaan, kehendak dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Asimiran, S. & Jusoh, R. (2008). *Membangunkan Kemahiran Generik Usahawan Malaysia (Kegum): Satu Kajian Kes Ke Atas Usahawan Makanan*. Universiti Putera Malaysia
- A. Malek, M.A.N(2009). *Kesediaan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia
- Bukryman et.al,. (2008),*Kajian Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Burn, R. B. (2000). "Introduction Research Method". 4<sup>th</sup> ed. Australia: Longman.
- Diah, M.(2007). *Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan (2007)*. Universiti Teknologi Malaysia
- Hassan, H (2007). *Hubungan Faktor Terpilih Dengan Tekad Keusahawanan Mengikut Persepsi Pelajar*. Universiti Putera Malaysia
- Idris, N.A. (2003). *Daya saing usahawan wanita Melayu menghadapi cabaran globalisasi, Prosiding Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran "Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran" 12 - 13 September 2003, UKM, Bangi*. Jabatan Ekonomi Pembangunan Fakulti Ekonomi (UKM)
- Islam Ketiga (KEI-3), 12-15 Januari 2009/15-18 Muharam 1430H, Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur.
- Osman, M.H. (2007). *Faktor-Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia
- Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh, (2009) *Usahawan Di Malaysia, SIRI 4 BIL.1/2009 2009*. Jabatan Perangkaan Malaysia

Thuaiabah *et al.*, (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia

Zainal Abiddin, N.(2007). *Fungsi Dan Sumber Mentor Tidak Formal Dalam Kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah*. Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia